

SULIT



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2023/2024

NAMA KURSUS	:	ETIKA DALAM PENGGUNAAN KOMPUTER
KOD KURSUS	:	BBP 45302
KOD PROGRAM	:	BBF
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JULAI 2024
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	<ol style="list-style-type: none">1. JAWAB SEMUA SOALAN.2. PEPERIKSAAN AKHIR INI DILAKSANAKAN SECARA <input type="checkbox"/> Buka buku <input checked="" type="checkbox"/> Tutup buku3. PELAJAR TIDAK DIBENARKAN MERUJUK KEPADА MANA-MANA SUMBER RUJUKAN BAGI PEPERIKSAAN YANG DILAKSANAKAN SECARA TUTUP BUKU.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **SEPULUH (10)** MUKA SURAT

SULIT

TERBUKA

BAHAGIAN A

S1 Etika boleh didefinisikan sebagai

- A** falsafah tentang kehidupan untuk menjadi manusia yang baik.
- B** corak kehidupan manusia yang berlandaskan gaya hidup moden.
- C** satu bidang ilmu agama yang menjelaskan tentang kehidupan manusia.
- D** pola tingkah laku manusia bagi membezakan antara yang baik dan buruk.

S2 Seorang pengaturcara komputer perlu faham mengenai etika komputer ketika berada di organisasi atas sebab-sebab berikut kecuali

- A** meningkatkan kualiti dan ketinggian akhlak individu.
- B** mewujudkan masyarakat yang bermaklumat dan positif.
- C** menyelesaikan masalah birokrasi berkaitan tempat kerja.
- D** mengelakkan jenayah, penyalahgunaan dan malapetaka komputer.

S3 Prinsip etika diambil kira dan diberi perhatian ketika membuat sesuatu keputusan berkaitan etika di tempat kerja. Berikut merupakan prinsip-prinsip etika kecuali

- A** meningkatkan kepercayaan rakan sekerja.
- B** menghormati keputusan rakan sekerja.
- C** menularkan sesuatu berita mengenai rakan sekerja.
- D** membantu rakan sekerja yang berada dalam kesusahan.

S4 Manakah antara pernyataan berikut yang tidak merujuk kepada undang-undang?

- A** Faktor rohaniah dan kejiwaan tidak diambil kira.
- B** Cukup untuk menentukan batas etika dan moral.
- C** Penentuan batas perlakuan jenayah adalah jelas.
- D** Bersifat lebih umum dalam mengawal jenayah.

S5 Kod etika profesional berfungsi sebagai

- A** pencegahan masalah disiplin pekerja.
- B** pencetus minat dalam pekerjaan.
- C** undang-undang bagi sesuatu pekerjaan.
- D** pengawalan tingkah laku sosial di pejabat.

S6 Apakah tujuan utama sesuatu hasil karya seni seperti lukisan potret diberi hak cipta?

- A** Melindungi pencinta seni lukisan tempatan.
- B** Melindungi pembeli tiket pameran karya seni tempatan.
- C** Melindungi hak-hak pelukis tempatan.
- D** Melindungi industri seni tempatan.

- S7** Ketika semua staf syarikat Mekar Holding sedang sibuk melayan pelanggan mereka, tiba-tiba semua komputer dan sistem pentadbiran syarikat terkunci dan tidak dapat diakses. Skrin komputer mereka menunjukkan mesej yang meminta bayaran untuk membuka semula akses kepada fail-fail penting dan maklumat pelanggan.

Apakah bentuk ancaman yang berlaku?

- A Buli siber.
- B Serangan *malware*.
- C Kecurian kad kredit.
- D Penipuan maklumat peribadi.

- S8** Azman telah memuat turun satu aplikasi dari laman web. Dia juga telah berjaya memecah kod pengaktifan aplikasi tersebut.
Berdasarkan situasi di atas, manakah antara rukun etika yang sepadan dengan situasi tersebut?

- A Tidak menggunakan sumber komputer orang lain tanpa kebenaran atau bayaran.
- B Tidak menggunakan tanpa kebenaran *output* intelektual orang lain.
- C Memikirkan akan kesan sosial program atau sistem yang dibangunkan.
- D Tidak menggunakan atau menyalin perisian yang tidak dibeli secara sah.

- S9** Kecurian identiti boleh dilakukan dengan melakukan perkara-perkara berikut kecuali
- A kesedaran mengenai bahaya media sosial kepada orang awam.
 - B tidak memberikan butiran peribadi kepada orang tidak dikenali.
 - C menggunakan *wifi* percuma di tempat awam untuk *login* email.
 - D musnahkan dokumen yang tidak diperlukan lagi dengan selamat.

- S10** Aktiviti *phishing* boleh dilakukan dengan melakukan perkara-perkara berikut kecuali
- A menukar kata laluan secara kerap.
 - B tidak terpedaya dengan iklan *pop-up*.
 - C menambah aspek keselamatan peranti komputer.
 - D tidak berikan maklumat kepada laman web yang tidak selamat.

- S11** Tindakan merendahkan, menakutkan atau merosakkan reputasi seseorang secara mental dan emosi melalui penggunaan teknologi digital merujuk kepada ancaman
- A penyamaran identiti.
 - B buli siber.
 - C penjejak IP.
 - D gangguan seksual.

- S12** Kecanggihan teknologi, permintaan yang tinggi dan kelonggaran penguatkuasaan undang-undang menyebabkan
- A** pengabaian etika komputer.
 - B** jenayah cetak rompak berleluasa.
 - C** pencerobohan sistem komputer oleh penggodam.
 - D** peningkatan kes buli siber.
- S13** Berikut adalah tindakan yang boleh dilakukan untuk mengawal serangan siber kecuali
- A** mengaktifkan *firewall*.
 - B** Mengaktifkan *backup*.
 - C** Mengaktifkan *antivirus*.
 - D** Mengaktifkan *anti-spyware*.
- S14** Manakah antara berikut bukan impak serangan siber ke atas sesuatu perniagaan?
- A** Hilang pelanggan tetap.
 - B** Kos pemasaran meningkat.
 - C** Persaingan dalam perniagaan berkurangan.
 - D** Keuntungan perniagaan itu menurun.
- S15** Malik merupakan seorang guru RBT di sekolah rendah. Dia telah memuat turun sebuah video mengenai litar elektrik dari Youtube. Dia kemudiannya memasukkan video tersebut ke dalam kumpulan *WhatsApp* kelasnya sebagai panduan kepada murid-muridnya. Perbuatan guru tersebut
- A** tidak boleh diterima kerana video itu bukan hasil karyanya.
 - B** boleh diterima kerana dia hanya seorang guru sains.
 - C** tidak bermoral kerana tidak menghasilkan video itu sendiri.
 - D** boleh diterima kerana video tersebut tidak membawa keuntungan.
- S16** Serangan *malware* ke atas sistem maklumat staf di Syarikat Mantap Holding telah menyebabkan kerosakan *server* syarikat tersebut. Sebagai langkah pencegahan serangan *malware* di masa hadapan, Syarikat Mantap Holding digalakkkan melaksanakan tindakan berikut kecuali
- A** penguatkuasaan undang-undang kepada staf.
 - B** kempen kesedaran ancaman keselamatan komputer kepada staf.
 - C** pemasangan *anti-virus* yang terkini kepada semua komputer.
 - D** penerangan mengenai tatacara pengendalian internet kepada staf.

- S17** Manakah antara berikut tidak termasuk dalam 10 rukun etika yang dicadangkan oleh Institut Etika Komputer?
- A Anda tidak perlu memikirkan kesan sesuatu perisian atau sistem yang dibangunkan.
B Anda tidak boleh menggunakan komputer untuk menyebarkan berita yang kurang pasti kebenarannya.
C Anda tidak boleh menggunakan komputer untuk mengganggu kerja orang lain
D Anda tidak boleh menggunakan komputer untuk mengintip fail komputer orang lain.
- S18** Manakah antara berikut bukan cara untuk mengawal aktiviti penggodaman?
- A Menubuhkan unit pencegahan jenayah penggodaman.
B Melantik pegawai keselamatan siber dari luar negara.
C Menjaga hubungan diplomatik yang baik antara negara.
D Memberi kesedaran kepada orang awam mengenai jenayah siber.
- S19** Guru-guru boleh memainkan peranan mendidik murid-murid sekolah mengenai etika komputer dengan cara berikut kecuali
- A bercerita mengenai ancaman siber yang ada.
B mengajar etika ketika menggunakan internet.
C memperkenalkan cara mengkonfigurasi komputer.
D mendedahkan cara melayari internet dengan selamat.
- S20** Kegagalan orang awam memahami isu-isu etika pengkomputeran membawa kesan seperti berikut kecuali
- A mudah terpengaruh dengan kecanggihan teknologi.
B pembaziran wang di laman web *online shopping*.
C mudah mempercayai maklumat yang tular.
D kurang rasa tanggungjawab terhadap data peribadi orang lain.
- S21** Manakah antara berikut pernyataan yang benar mengenai penggodam topi putih?
- A Merosakkan jaringan rangkaian komputer di organisasi.
B Menceroboh sesuatu sistem tanpa rasa tanggungjawab.
C Menyebabkan kerugian yang besar kepada orang awam.
D Mendapat kebenaran untuk menggodam sesuatu sistem.
- S22** Kawalan ke atas jenayah cetak rompak perisian komputer adalah seperti berikut kecuali
- A kawalan harga ke atas perisian komputer.
B memboikot hasil kerja pembangun perisian dari negara jiran.
C kesedaran masyarakat terhadap cetak rompak perisian.
D penguatkuasaan undang-undang ke atas jenayah cetak rompak perisian.

S23 Manakah antara kata laluan berikut yang mempunyai tahap keselamatan yang rendah?

- A** C4567&abC.
- B** Munchy@CT2.
- C** Si_comel.
- D** VCR6099.

S24 Manakah antara berikut bukan akta untuk mengawal penyalahgunaan teknologi maklumat dan komunikasi?

- A** Akta Hak Karya 1997.
- B** Akta Jenayah Komputer 1997.
- C** Akta Komunikasi dan Multimedia 1997.
- D** Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998.

S25 Manakah antara berikut bukan kaedah untuk melindungi komputer peribadi daripada serangan *scammer*?

- A** Tambahkan perlindungan untuk keselamatan rangkaian.
- B** Pantau profil kredit melalui penyata kad kredit.
- C** Tidak membuat pembelian dalam talian.
- D** Gunakan perisian perlindungan *anti-virus* atau *malware*.

S26 Pihak yang bertanggungjawab terhadap urusan hak cipta di Malaysia ialah

- A** Perbadanan Harta Intelek Malaysia.
- B** Perbadanan Keselamatan Komputer Malaysia.
- C** Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- D** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia.

S27 Manakah antara berikut merupakan kriteria penggodam topi kelabu?

- A** Kurang kepakaran menceroboh sistem.
- B** Memecah masuk sistem dengan niat yang baik.
- C** Mendedahkan kelemahan sistem kepada pemilik dengan ganjaran.
- D** Menambah masalah pada sistem syarikat pada masa hadapan.

S28 Manakah antara berikut bukan kaedah untuk melindungi pelayan sistem sesebuah syarikat daripada serangan penggodam?

- A** Berwaspada dengan simptom ancaman serangan.
- B** Sentiasa melakukan data enskripsi.
- C** Menggunakan *anti malware* dan *firewall*.
- D** Mengemaskini perkakasan secara berkala.

S29 Manakah antara berikut tindakan yang tidak relevan untuk mengelakkan ancaman *phishing* ke atas data-data syarikat?

- A** Melatih pekerja mengenai keselamatan akaun e-mel.
- B** Menyediakan balasan e-mel secara automatik.
- C** Menyekat e-mel daripada penghantar yang tidak dikenali.
- D** Menyiasat kandungan e-mel untuk menentukan keselamatan e-mel tersebut.

S30 Sejenis kod yang menipu pengguna untuk memuat turun dan melaksanakan program mereka dengan berpura-pura menjadi aplikasi yang berguna dikenali sebagai

- A** *trojan horse*.
- B** *Ransomware*.
- C** *IP sniffer*.
- D** *dumpster diving*.

S31 Manakah antara berikut merupakan tindakan yang boleh dikaitkan dengan Akta Jenayah Komputer 1997?

- I** Penggunaan tanpa kebenaran program komputer.
- II** Penghantaran haram data atau mesej melalui komputer.
- III** Penggodaman dan keretakan sistem komputer dan rangkaian.
- IV** Menghantar ugutan menerusi pesanan ringkas.

- A** I, II dan III sahaja
- B** II dan IV sahaja
- C** I, III dan IV sahaja
- D** I, II, III dan IV

S32 Agensi khusus yang bertanggungjawab menyelia semua fungsi aspek keselamatan siber negara, sentiasa bersiap siaga dan akan mengambil tindakan sewajarnya dalam memastikan keselamatan siber negara berada di tahap terbaik bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

- I** Agensi Keselamatan Siber Negara.
- II** Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- III** Kastam Di Raja Malaysia.
- IV** Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).

- A** I dan II sahaja
- B** II dan IV sahaja
- C** I dan III sahaja
- D** II dan III sahaja

S33 Manakah antara berikut merupakan cara mencegah komputer daripada dijangkiti virus?

- I Memasang *anti-virus* dan *firewall* yang dipercayai.
- II Peka dengan e-mel yang masuk ke *inbox*.
- III Elakkan dari muat turun sebarang perisian.
- IV Semak *secure socket layer* (SSL) sebelum membuat transaksi.

- A II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S34 Manakah antara berikut merupakan faktor menyumbang jenayah *scammer*?

- I penipu mempunyai pengetahuan yang luas dalam teknologi.
- II penipu memiliki empati terhadap status kewangan mangsa.
- III tekanan sosial atau pengaruh rakan menyebabkan mangsa mudah tertipu.
- IV pertumbuhan teknologi digital telah memberi *scammer* peluang untuk menipu dalam talian yang kompleks.

- A II, dan III sahaja
- B II, dan IV sahaja
- C I, III, dan IV sahaja
- D I, II, III, dan IV

S35 Kod etika profesional adalah salah satu alat kawalan sosial yang berfungsi sebagai

- I inspirasi dan panduan kepada setiap profesi
- II pencegahan dan membentuk disiplin ahli profesional
- III pembentukan etika ahli profesional
- IV sokongan kepada setiap profesi

- A II, dan III sahaja
- B I, II, dan IV sahaja
- C I, III, dan IV sahaja
- D I, II, III, dan IV

S36 Manakah antara berikut merupakan petunjuk bahawa anda telah menjadi mangsa *scammer*?

- I Menerima panggilan telefon daripada pegawai polis menyatakan bahawa anda telah melakukan jenayah dan bakal dikenakan hukuman.
- II Menerima panggilan telefon daripada pegawai kastam menyatakan bungkusan barang anda telah ditahan oleh pihak Kastam Malaysia.
- III Mendapat mesej yang mengandungi nombor *One Time Password* (OTP) daripada bank walaupun anda tak pernah memohon.
- IV Mendapat mesej dari kurier yang meminta anda untuk mengemaskini alamat rumah.

- A II, dan III sahaja
- B I, II, dan IV sahaja
- C I, III, dan IV sahaja
- D I, II, III, dan IV

S37 Bagaimanakah penggodam topi putih menyumbang kepada meningkatkan keselamatan siber?

- I Ujian penembusan (penetration testing)
- II Penilaian keselamatan (security assessment)
- III Tampalan keselamatan (security patching)
- IV Mengeksplotasi kelemahan (exploitation weakness)

- A I, II, dan III sahaja
- B II, dan IV sahaja
- C I, III, dan IV sahaja
- D I, II, III, dan IV

S38 Terdapat tiga kesalahan utama yang diperuntukan oleh akta dalam menangani masalah jenayah komputer ini iaitu

- I kesalahan capaian tanpa kuasa kepada bahan-bahan komputer
- II meletakkan unsur-unsur tidak elok di luar persekitaran terkawal
- III capaian tanpa kuasa dengan niat untuk melakukan atau memudahkan berlakunya kesalahan lanjut
- IV kesalahan pengubahsuaihan tanpa kuasa kandungan mana-mana komputer

- A II, dan III sahaja
- B I, II, dan IV sahaja
- C I, III, dan IV sahaja
- D I, II, III, dan IV

S39 Pelajar institusi masih memandang ringan mengenai isu plagiat kerana

- I tidak nampak kesan ketara akibat isu tersebut kepada masyarakat.
- II tidak mempunyai pengetahuan yang luas mengenai isu tersebut.
- III kurang pengetahuan mengenai undang-undang siber.
- IV tidak menerima impak yang hebat apabila terdapat isu plagiat berlaku

- A I, II, dan III sahaja
- B II, dan IV sahaja
- C I, III, dan IV sahaja
- D I, II, III, dan IV

S40 Antara hasil karya berikut yang manakah dilindungi oleh Akta Hakcipta 1997?

- I Muzik
- II Grafik
- III Sastera
- IV Tandatangan digital

- A I, II dan III sahaja
- B II dan IV sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

BAHAGIAN B

S41 Huraikan kepentingan keselamatan komputer kepada orang awam. Berikan contoh yang relevan untuk menyokong jawapan anda.

(15 markah)

S42 Terangkan maksud plagiat dan bagaimana plagiat memberi kesan kepada hak harta intelek dan integriti akademik.

(15 markah)

S43 Syamsul merupakan seorang penerbit filem yang terkemuka di Malaysia. Terdapat beberapa buah filem terbitannya mencapai tahap *box office*. Jelaskan tiga (3) hak eksklusif yang diperoleh Syamsul sebagai pemilik karya filem tersebut.

(15 markah)

S44 Huraikan tindakan yang boleh dilakukan oleh individu agar dapat mempertahankan maklumat peribadinya daripada dicuri oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

(15 markah)

-SOALAN TAMAT-